



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH HARIAN
Aras 3 & 4, Blok E2, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : +603-8884 9000
Faks : +603-8884 9315
Laman Web : www.moe.gov.my

Ruj. Tuan : PSB/SMD/43.2.1/21/016
Ruj. Kami : KPM.600-8/2/7 Jld.21 (91)
Tarikh : 29 November 2021

Encik Kamaruddin Kassim

Pengarah
Jabatan Jualan dan Pemasaran,
Petrosains, The Discovery Centre,
Level 4, Suria KLCC,
PETRONAS Twin Towers,
Kuala Lumpur City Centre,
50088 Kuala Lumpur

Tuan,

PROGRAM PETROSAINS 2022

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menerima dan meneliti permohonan pihak tuan untuk melaksanakan Program Petrosains 2022 kepada murid-murid sekolah KPM pada tahun 2022.

3. KPM **tiada halangan** bagi memberi kelulusan kepada permohonan tuan. Pihak tuan perlu mengadakan perbincangan dengan **Pengarah Pendidikan Negeri** yang terlibat untuk mendapatkan pandangan dan kaedah yang terbaik bagi melaksanakan program berkenaan memandangkan murid yang terlibat adalah di bawah pentadbiran negeri berkenaan di samping perlu mematuhi syarat-syarat berikut:

- 3.1 Mendapat kebenaran daripada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan pengetua/guru besar sekolah-sekolah yang terlibat;
- 3.2 **Surat kebenaran/kelulusan ini tidak boleh diguna pakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan dan tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;**
- 3.3 Penyertaan murid hendaklah tidak mengganggu atau menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran mereka;

...2/-

- 3.4 Penganjur bertanggungjawab menjaga keselamatan dan kebajikan murid yang terlibat dengan program ini;
- 3.5 Murid, warga sekolah mahupun pihak sekolah sendiri **tidak boleh dipaksa atau diwajibkan** terlibat dengan program ini;
- 3.6 Penyertaan murid hendaklah mendapat **kebenaran bertulis** daripada ibu bapa atau penjaga;
- 3.7 **Tiada implikasi kewangan kepada KPM, JPN, pejabat pendidikan daerah, sekolah, pegawai/guru dan murid yang terlibat;**
- 3.8 **Pihak penganjur hendaklah bertanggungjawab menanggung semua kos penganjuran program atau aktiviti yang dianjurkan termasuk pengangkutan, makan dan minum;**
- 3.9 **Surat kebenaran/kelulusan ini bukan sebagai pengesahan program dianjurkan secara kerjasama bersama KPM;**
- 3.10 Pihak penganjur dimohon agar mengemukakan **satu salinan laporan program dalam tempoh 30 hari** selepas pelaksanaan program tersebut;
- 3.11 Sekiranya laporan program diterbitkan atau disiarkan dalam mana-mana platform media, bahan tersebut perlu mendapat persetujuan terlebih dahulu daripada pihak kementerian;
- 3.12 Berdasarkan situasi penularan *Coronavirus Disease 2019* (COVID-19), **penjarakan fizikal** merupakan salah satu prosedur yang perlu dipatuhi dalam norma kehidupan baharu. Keadaan ini menyebabkan banyak program yang melibatkan pihak sekolah khususnya guru dan murid tidak dapat dilaksanakan seperti kebiasaan. **Pihak tuan perlu mematuhi segala garis panduan yang ditetapkan oleh KPM, Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sepanjang program dijalankan; dan**
- 3.13 **KPM berhak menarik balik surat kelulusan/kebenaran sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuat kuasa serta tidak mematuhi garis panduan KPM, MKN dan KKM.**

4. Untuk makluman tuan, pihak KPM sentiasa Melindungi Masa Instruksional (MMI), iaitu masa pengajaran dan pembelajaran (PdP) murid. Oleh yang demikian, pihak kami mencadangkan supaya penyertaan murid-murid bagi program tersebut diadakan di luar waktu PdP agar tidak menjejaskan waktu PdP murid; dan dilaksanakan di luar waktu persekolahan atau pada hari Sabtu yang dibenarkan sahaja.

5. **Kelulusan ini (Program Petrosains 2022) hanya untuk tujuan yang dimohon sahaja dan akan luput selepas 9 Disember 2022.** Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini boleh diajukan kepada Encik Shah Rafi Bin Ihsham Shah di talian 03-88849354 atau e-mel rafi.ihsham@moe.gov.my.

Segala perhatian pihak tuan berhubung perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

ZAINAL BIN ABAS

b.p. Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
(Sektor Operasi Sekolah)
Kementerian Pendidikan Malaysia
/PP2/UPDP2/NOV/2021

- s.k.
1. Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
 2. Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
Kementerian Pendidikan Malaysia
 3. Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh
Kementerian Pendidikan Malaysia

4. Pengarah
Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional
Kementerian Pendidikan Malaysia
5. Pengarah
Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian
Kementerian Pendidikan Malaysia
6. Pengarah
Bahagian Pendidikan Islam
Kementerian Pendidikan Malaysia
7. Pengarah
Bahagian Pendidikan Swasta
Kementerian Pendidikan Malaysia
8. Pengarah
Bahagian Pendidikan Khas
Kementerian Pendidikan Malaysia
9. Pengarah Pendidikan
Semua Jabatan Pendidikan Negeri